

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [RAUB]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [RAUB] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** untuk menyatakan dalam usaha Kerajaan untuk mencapai visi pengurangan dalam penggunaan karbon pada 2050, nyatakan rancangan jangka masa pendek dan Panjang Kementerian bagi menjayakan dasar ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun Malaysia adalah negara anggota *Non-Annex 1* dalam Perjanjian Paris 2015, Kerajaan ini tetap komited melaksanakan langkah-langkah mitigasi sebagaimana tanggungjawab khusus negara-negara tersenarai dalam *Annex-1*.

2. Malaysia komited dan telah menyatakan aspirasi sebagaimana kenyataan YAB Perdana Menteri pada 11 Oktober 2021 semasa Majlis Tindakan Perubahan Iklim (*Malaysia Climate Change Action - MyCAC*) untuk mencapai sasaran pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gas – GHG*) bersih sifar seawal-awalnya pada tahun 2050, tertakluk kepada hasil Strategi Jangka Masa Panjang Pembangunan Rendah Karbon (*Long-Term Low GHG Emission Strategies – LT-LEDS*) negara pada tahun 2022.

3. Penyediaan LT-LEDS di bawah Perjanjian Paris adalah selaras dengan keputusan Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Framework Convention on Climate Change – UNFCCC*). LT-LEDS merupakan sebuah dokumen komunikasi negara anggota Perjanjian Paris yang bertujuan memberi gambaran indikatif berhubung potensi dan impak dasar-dasar mitigasi perubahan iklim yang diambil sesebuah negara pada masa kini sehingga 2050.

4. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) kini sedang membangunkan Pembangunan Rangka Kerja Pelaksanaan *Nationally Determined Contribution* (NDC Roadmap). Terdapat beberapa komponen di bawah rangka kerja ini termasuk pembangunan Pelan Hala Tuju NDC yang akan memuatkan antara lain sasaran pengurangan GHG mengikut sektor sehingga tahun 2030 bagi mencapai NDC. Di samping itu, KASA juga sedang membangunkan *Integrated Assessment Model* yang melibatkan pembangunan unjuran jangka masa panjang mengikut sektor. Model ini berperanan untuk menyokong *evidence-based policy* dan akan

SOALAN NO : 12

turut digunakan dalam komunikasi LT-LEDS yang akan dikemukakan kepada UNFCCC pada tahun 2022 atau awal 2023.

5. Sehubungan ini, LT-LEDS Malaysia akan menentukan dasar berkaitan GHG negara berpandukan kepada unjuran GHG bagi semua sektor pelepasan GHG utama iaitu tenaga, industri pemprosesan dan guna produk, pertanian, perhutanan dan pertukaran guna tanah serta sisa.

6. Pada masa kini, KASA sedang dalam proses menyediakan LT-LEDS yang dijangka dapat dimuktamadkan pada penghujung 2022 yang akan menggariskan strategi dan tindakan kepada sektor-sektor utama seperti berikut:

- (i) sektor tenaga;
- (ii) sektor industri pembuatan dan pemprosesan;
- (iii) sektor pertanian;
- (iv) sektor guna tanah, perubahan guna tanah dan perhutanan; dan
- (v) sektor sisa.

7. Sehubungan ini, LT-LEDS Malaysia akan mengenalpasti potensi mitigasi bagi sektor-sektor terlibat, menentukan sektor utama yang akan memainkan peranan dalam menyumbang kepada pencapaian sasaran rendah karbon negara serta memperincikan kos yang terlibat bagi melaksanakan tindakan mitigasi yang dikenal pasti. Di samping itu juga, LT-LEDS turut mengandungi maklumat mengenai teknologi yang bersesuaian dan berkos efektif. Justeru, LT-LEDS akan menentukan hala tuju dan mengenal pasti dasar-dasar yang diperlukan bagi mencapai sasaran pengurangan GHG di peringkat kebangsaan. Ini termasuk menjadi asas bagi menentukan hala tuju dan tahun sasaran pelepasan GHG bersih sifar negara.

Sekian, terima kasih.